

Menyambut migran, pelarian, langkah pertama menuju perdamaian

TAKHTA SUCI: Penghijrahan yang selamat, teratur, mengikut saluran yang betul dan mampan adalah demi kepentingan semua negara, tulis Sri Paus Fransiskus.

“Jika ini tidak diterapkan dan diiktiraf, maka ada risiko bagi masa depan orang dan ia boleh menghancurkan kehidupan,” katanya dalam ucapan bertulis kepada pelarian dan sukarelawan serta organisasi yang membantu mengalu-alukan dan mengintegrasikan para migran dan pelarian di Eropah.

Berbicara kepada para sukarelawan, Sri Paus Fransiskus mengucapkan, “Terima kasih anda telah mempromosikan karya penyambutan atau mengalu-alukan ini yang merupakan komitmen nyata untuk perdamaian. Menyambut para migran dan pelarian adalah langkah pertama menuju perdamaian.”

Pada Mac 18, dewan audiensi Vatikan dipenuhi oleh individu dan keluarga dari banyak negara yang berperang atau terkesan dengan darurat kemanusiaan, seperti Syria, Iraq, Afghanistan, Somalia, Sudan Selatan, Nigeria, Congo, Libya, dan Ukraine.

Sri Paus membaca beberapa bahagian dari teks yang telah disiapkannya, dan menghabiskan waktu sekitar 25 minit dengan menggunakan kerusi roda untuk menyapa para tamu dan berpelukan dengan anak-anak yang teruja bertemu dengannya.

Para migran dan pelarian yang datang ke Itali dan negara-negara Eropah, adalah berkat inisiatif yang dimulai tahun 2016 yang mewujudkan “koridor kemanusiaan” di mana para relawan dan organisasi di wilayah-wilayah konflik mengidentifikasi orang-orang yang sangat memerlukan, mengatur perjalanan mereka yang selamat dan mematuhi undang-undang, serta membantu mereka menyesuaikan diri di kalangan masyarakat yang siap menerima mereka.

Koridor kemanusiaan juga membantu perumahan, pendidikan, dan bantuan lainnya.

Komuniti Sant’Egidio yang berpangkalan di Roma mendirikan projek ini bersama dengan Persekutuan Gereja Evangelikal, gereja Waldensian Itali, cawangan Itali Caritas dan konferensi para Uskup Itali.

Projek ini mulai membantu orang menghindari perjalanan berbahaya melintasi Laut Mediteranian dengan kapal yang tidak selamat, mencegah eksploitasi oleh pedagang manusia dan memberikan keutamaan kepada mereka yang berada dalam kondisi sangat genting.

Lebih dari 6,000 orang telah ditawarkan dengan saluran undang-undang yang tepat integrasi melalui projek itu sejak 2016.

Dalam ucapannya, Sri Paus Fransiskus berterima kasih kepada organisasi-organisasi tersebut atas kemurahan hati mereka serta komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan dalam



Paus Fransiskus menyapa seorang kanak-kanak pelarian yang tiba melalui Koridor Kemanusiaan. Gambar: Media Vatikan.

menyambut pendatang baru.

Bapa Suci memberikan contoh kemalangan kapal baru-baru ini, dekat Cutro, Itali, yang mengakibatkan kematian hampir 90 migran, termasuk anak-anak

“Bencana itu seharusnya tidak terjadi dan segala sesuatu yang mungkin perlu dilakukan untuk memastikan tragedi itu tidak berulang kembali,” kata Sri Paus.

“Koridor kemanusiaan membangun jambatan yang dilalui ramai kanak-kanak, wanita, lelaki dan golongan tua yang mahu menyelamatkan diri dari situasi yang tidak stabil dan sangat berbahaya untuk tiba di destinasi atau negara lain, secara selesa, legal dan bermartabat,” tulisnya.

“Migrasi yang aman, tertib, teratur dan berkelanjutan adalah kepentingan semua negara,” tambahnya.

Pendekatan ini, kata Sri Paus, “menunjukkan jalan lebih baik bagi Eropah, menghindari ketakutan di kalangan pelarian dan migran sehingga terpaksa memilih jalan yang merisikokan nyawa mereka, asalkan dapat melindungi diri dan keluarga mereka dari terus menjadi mangsa konflik di negara

asal mereka.”

Bapa Suci memuji penekanan projek tersebut untuk mengintegrasikan para migran dan pelarian dengan masyarakat di negara yang menerima.

Prelatus itu juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang dengan murah hati menawarkan rumah, sumber daya, dan bantuan.

Berbicara kepada mereka yang meninggalkan tanah air mereka, Bapa Suci memberi penghiburan bahawa beliau juga lahir di kalangan keluarga imigran.

Yesus menunjukkan kepada kita bahawa menerima orang asing bererti menerima Dia, “Saya adalah orang asing dan anda menyambut saya,” tulis paus.

Sri Paus juga mengatakan kepada pelarian dari Ukraine, bahawa “Bapa Suci tidak berputus asa mencari dan menyeru keamanan, berharap dan berdoa untuk keamanan.

“Saya melakukan ini untuk negara anda yang teruk dan untuk negara-negara lain yang terjejas oleh peperangan!” — media Vatikan

Perkara mengikat dan melepaskan, kaitannya dengan syurga

Apakah yang anda ikat di bumi akan terikat di syurga, dan apakah yang anda lepaskan di bumi, ia akan dilepaskan di syurga. Kata-kata Yesus ini tidak hanya terpakai kepada mereka yang ditahbis untuk pelayanan dan mentadbir Sakramen Perdamaian, tetapi kepada semua orang di dalam tubuh Kristus.

Kita semua mempunyai kuasa untuk mengikat dan melepaskan.

Apakah kuasa “mengikat dan melepaskan” ini? Bagaimanakah kita mengikat dan melepaskan satu sama lain di bumi dengan cara yang melibatkan syurga?

Mungkin, gambaran ini boleh memberi penjelasan mudah: Sebagai contoh: Jika anda adalah ahli Tubuh Kristus dan anda memaafkan orang itu dan dia dilepaskan daripada dosa.

Begitu juga, jika anda, sebagai sebahagian daripada Tubuh Kristus, mengasihi seseorang dan tetap berhubung dengannya, orang itu dihubungkan dengan Tubuh Kristus dan melalui anda (alkitabiah) orang itu juga menyentuh hujung jubah Kristus, walaupun dia tidak mengaku secara jelas bahawa dia mempercayai Kristus atau tidak. Itulah salah satu hadiah luar biasa yang diberikan kepada kita dalam inkarnasi.

Tetapi bagaimana dengan sebaliknya? Katakanlah saya enggan memaafkan seseorang yang telah melukakan hati saya beberapa kali dan cara: bagaimana pula jika saya

menyimpan dendam dan enggan melupakan kesalahan yang telah dilakukan oleh orang lain kepada saya, adakah saya mengikat orang itu dengan dosa?

Adakah Tuhan juga enggan memaafkan dan melepaskannya kerana saya enggan memaafkan dan melepaskannya? Bagaimana Tubuh Kristus bekerja dalam hal “mengikat” iaitu kuasa yang diberikan oleh Yesus kepada kita?

Ini adalah soalan yang sukar, tetapi ada beberapa penerangan yang dapat pencerahkan isu ini.

Sebagai permulaan, logik rahmat dan berkat, seperti cinta, mempunyai logik – iaitu hanya berfungsi dalam satu cara.

Dalam rahmat, sama seperti cinta, anda diberikan banyak berkat melebihi apa yang anda layak terima, tetapi jika sebaliknya, ia tidak berfungsi. Rahmat, seperti algebra, tidak berfungsi jika ia dilakukan secara bertentangan.

Cinta boleh memberi anda lebih daripada yang anda layak terima, tetapi ia tidak boleh menghukum anda lebih dari yang anda mampu terima.

Tuhan memberi kita kuasa untuk membebaskan satu sama lain, tetapi ia bukanlah sejenis kuasa yang memperhambakan atau menyekat kebebasan orang lain.

Kedua, dalam kehidupan ini, seperti yang pernah dikatakan oleh C.S. Lewis, neraka boleh mengugut syurga, tetapi ini tidak benar di alam lain.

Oleh itu, ketika kita berden-



Fr Ron Rolheiser

dam dengan satu sama lain secara psikologi dan emosi, di sisi Tuhan, Dia tidak memberkati tindakan itu.

Apabila kita mengikat satu sama lain di sini di dunia ini dalam dendam, enggan memaafkan satu sama lain, keengganan itu tidak mengikat Tuhan untuk melakukan perkara yang sama atau seperti yang kita mahukan.

Secara ringkas, ia dapat dijelaskan seperti ini: Apabila saya menyimpan dendam terhadap seseorang yang telah menzalimi saya, dan apabila saya sering membuatnya menyadari bahawa dia telah melakukan kesalahan, saya menjadikan orang itu terikat dengan dosa mereka – tetapi Tuhan tidak menyokong ini. Syurga tidak menyokong perbuatan saya.

Inilah bezanya. Namun penjelasan ini masih memerlukan pencerahan lebih lanjut.

Apa maksudnya “mengikat” seseorang?

Kuasa Kristian untuk “mengikat” dan “melepaskan” adalah kuasa untuk mengikat dan melepaskan dalam hati nurani. Ia lebih berkaitan dengan kasih sayang dan kebaikan.

Apabila saya enggan memaafkan yang lain, apabila saya menyimpan dendam, saya sebenarnya bertindak bukan sebagai Tubuh Kristus, atau sebagai ejen rahmat, melainkan sebagai sebahagian daripada rangkaian dosa dan kelemahan, yang Kristus cuba untuk putuskan.

Jadi apabila saya bertindak seperti itu, saya adalah orang yang perlu dilepaskan daripada dosa kerana jika saya terus-terusan mengikat dosa, maka saya bertindak bertentangan dengan rahmat.

Sikap tidak mengampuni saya mungkin memberi kesan atau mengikat orang lain secara emosi, tetapi tindakan saya ini adalah antitesis kuasa yang diberikan Kristus kepada kita.

Secara Alkitab, kita mengikat satu sama lain dalam cinta tetapi jika kita enggan berkompromi kebenaran dan apabila kita enggan memaafkan atau memilih damai, maka ia adalah pilihan tidak baik dan bertentangan dengan syurga.

Sebagai contoh, ibu bapa “mengikat” anak-anak mereka dengan penuh kasih sayang, tetapi enggan memberi mereka kebebasan, mengabaikan pengajaran Kristus mengenai perkahwinan dan seksualiti – maka ini bertentangan dengan kuasa yang diberikan oleh Kristus.

Apabila kita “mengikat” seorang rakan tetapi kita menyokongnya ketika dia mahu menipu dalam perniagaan bagi menjana lebih banyak wang.

Seorang kawan mengikat anda apabila dia enggan memberkati kompromi moral anda.

Dalam drama Robert Bolt, *A Man for All Seasons*, kita melihat Henry VIII memujuk Thomas More untuk memberkati perkahwinannya dengan Anne Boleyn. Henry merayu demi persahabatan mereka, merayu atas nama kemanusiaan yang mereka perjuangkan bersama dan secara moral, cuba membuli Thomas bahawa jika dia enggan memberkati perkahwinan itu, Thomas adalah angkuh dan sombong.

Namun Thomas tetap enggan meluluskan. Dia mengikat Henry dalam hati nurani dan Henry tahu dia terikat.

Pada akhirnya, dia membunuh Thomas kerana keenggannya untuk berkompromi dan membenarkan perkahwinan itu sendiri maka secara alkitabiah, Henry sebenarnya telah melepaskan berkat.

Sejak Tuhan mengambil daging manusia yang konkrit, rahmat Tuhan sentiasa nyata dan melimpah. Syurga sedang memerhatikan bumi – dan membiarkan dirinya dibantu oleh yang terbaik dari apa yang kita lakukan di sini, tetapi tidak terikat dengan perkara-perkara yang teruk yang kita lakukan di sini. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Memasuki Minggu Suci dengan iman dan sikap tobat

Saya pasti, ramai di antara kita yang mengalami banyak perkara tidak dijangka, serta memberi impak kepada kita.

Misalnya tiga tahun lalu, saya menyangka Hari Minggu Palma akan berlangsung seperti tahun-tahun yang lalu. Di mana saya akan sibuk dengan persiapan liturgi dan umat Paroki pula sibuk mengambil daun palma atau menghias gereja dengan daun-daun itu.

Tiba-tiba, pada minggu kedua Pra-Paskah tahun itu, kawalan pergerakan berkuatkuasa akibat pandemik dan pergerakan daun palma tidak dapat dilakukan.

Alangkah sedihnya apabila semua umat diminta untuk berada di rumah meskipun perayaan Hari Minggu Palma adalah antara perayaan terpenting dalam kalendar liturgi gereja.

Ini adalah kerana pandemik coronavirus, dan untuk memutuskan rantaian itu, kita harus berada di rumah, menonton Misa secara langsung melalui Internet, malah pengakuan peribadi pada musim Pra-Paskah juga ditiadakan.

Buat pertama kalinya, pada tiga tahun lalu, saya melihat umat memegang dan menjulang daun

palma dalam talian!

Walaupun hari minggu Palma tidak dapat dirayakan pada tahun itu, tetapi teknologi digital memampukan kita untuk menghayati peristiwa dua ribu tahun dahulu, ketika Yesus masuk ke Yerusalem, di mana Dia dialu-alukan dan disambut meriah.

Kini, pada tahun 2023, kita dapat menyambut Hari Minggu Palma tanpa sekatan, sudah tidak ada penjarakan sosial, tidak perlu menggunakan pelitup muka dan sudah pasti, dapat menyertai perarakan!

Namun, mari kita periksa peribadi kita terlebih dahulu, apa makna Hari Minggu Palma bagi kita?

Ketika kita menyertai perarakan atau menghadiri Misa Kudus Hari Minggu Palma, kita haruslah sanggup berjalan bersama Yesus, bukan hanya dalam masa puncak kejayaan seperti orang-orang yang bergembira ketika Yesus memasuki Kota Yerusalem.

Mereka bersorak-sorak, “Hosana! Terpujilah kerajaan Bapa Daud yang kini tiba. Terpujilah yang Mahatinggi,” tetapi pada masa-masa sukar dan sengsara, semoga kita tidak seperti orang-orang dalam Injil tadi yang ber-

teriak mendesak supaya Dia disalibkan.

Petrus dan para murid yang lain mengambil kesempatan untuk turut serta mendapatkan pujian daripada orang ramai ketika Yesus memasuki Kota Yerusalem.

Tetapi apakah mereka yang turut dipuji dan disanjung tinggi ini masih bersama Yesus pada hari Jumaat Agung apabila Yesus diadili dari satu mahkamah ke mahkamah yang lain? Tidak ada!

Kecuali Yohanes, murid-murid yang pengecut itu semuanya lari menyelamatkan diri dan meninggalkan Yesus seorang diri.

Petrus yang pernah mengungkap janji kesetiaannya sampai mati untuk mengikuti Yesus, sewaktu malam perjamuan terakhir dengan Yesus, sanggup berbohong di hadapan seorang perempuan bahawa dia tidak mengenali Yesus hanya kerana gara-gara mahu menyelamatkan dirinya daripada ditangkap.

Sebenarnya di dalam diri kita masing-masing terdapat sikap Petrus dan murid-murid dalam Injil tadi. Bahawa apabila semuanya dalam keadaan baik, kita setia pada Tuhan. Tapi apabila keadaan tidak baik, ada potensi bagi kita

HARI MINGGU PALMA

YESAYA 50:4-7;

FILIPPI 2:6-11;

INJIL MATIUS 26:14—27:66

untuk tidak ingat pada Tuhan.

Memang mudah bersyukur pada Tuhan apabila sihat, dikelilingi oleh orang-orang yang prihatin dan mengasihi kita. Tetapi sukar bagi kita mengasihi Tuhan apabila kita terpaksa berkorban seperti dalam cerita tadi.

Kembali pada kisah Yesus memasuki Yerusalem tadi, terdapat satu versi lain yang nampaknya seperti rekaan belaka tapi mempunyai pesan yang unik bagi kita pada hari ini.

Ketika Yesus memasuki Kota Yerusalem dengan penuh kemegahan, Dia menunggang seekor keldai untuk menunaikan nubuat Nabi Zakhariah 9:9 “... bersorak-sorailah, hai Yerusalem! Lihat rajamu datang kepadamu... menunggangi seekor keldai.”

Ketika orang-orang Yahudi melambai-lambaikan daun palma sambil berteriak, “Hosana... ter-

pujilah Raja yang datang,” sang keldai perasan bahawa dia yang dipuji. Dia terus mengangguk-anggukkan kepalanya kerana dipuji dan lupa tuan yang ada di atas belakangnya itulah yang sebenarnya yang empunya pujian.

Apakah kita tidak seperti sang keldai tersebut? Apabila kita mempunyai bakat, kemahiran dan pelbagai kejayaan belum termasuk jawatan, pangkat dan gelaran, sikap sombong mulai memasuki kepala otak kita.

Kita menyangka segala-galanya itu adalah hasil usaha dan titik peluh kita sendiri dan melupakan Tuhan yang adalah sumber berkat atas segala apa yang kita miliki di dunia ini.

Kalau memang begitu terjadi di dalam diri kita masing-masing, maka betullah semangat keldai tersebut sudah merasuki diri kita. — **santapan rohani**

Rekoleksi ajak AJK Pelaksana hargai sejarah kewujudan Keuskupan



AJK pelaksana Ulang Tahun Keuskupan Keningau ke-30 mengadakan rekoleksi bersama Msgr Gilbert Lasius pada Mac 19 lalu.

SOOK: Meskipun dirayakan setiap tahun, namun tanpa penghayatan mengapa perayaan itu dirayakan, ia tidak akan meninggalkan kesan rohani yang mendalam kepada umat beriman.

Menyedari akan hakikat ini, AJK Penganjur Ulang Tahun Keuskupan Keningau yang ke-30 (UTK-30) peringkat Keuskupan Keningau telah mengambil inisiatif untuk mengadakan rekoleksi.

Rekoleksi diadakan pada Mac 19, 2023 di Dewan Tertutup Paroki Roh Kudus, Sook.

Rekoleksi ini memberi input kepada AJK pelaksana mengenai sejarah Keuskupan Keningau, maksud logo Keuskupan Keningau, erti kata nama seperti Diosis, Paroki dan akhirnya pencerahan tentang tema UTK-30.

Penyampai katekesis, Msgr Gilbert La-

sus menyatakan ramai umat beriman tidak mengetahui sejarah keuskupan, dan juga maksud kata nama seperti diosis, uskup dan paroki sehingga menyebabkan ulang tahun keuskupan yang dirayakan setiap tahun hanya sekadar perayaan, tanpa memahami tujuan perayaan itu.

“Keuskupan bermakna sebuah kawasan yang ditabir oleh seorang uskup. Sejarah sebuah keuskupan adalah juga sejarah bagi uskup tersebut. Maka, Keuskupan Keningau adalah suatu kawasan yang dikelolakan oleh Uskup Cornelius Piong yang bersatu dengan umat beriman untuk mencapai wawasan iaitu umat Tuhan yang berjalan bersama,” jelas Msgr Gilbert.

“Ini memberi penegasan kepada kita semua bahawa UTK-30 ini bukanlah sekadar sebuah perayaan yang biasa-biasa, tetapi

ungkapan syukur kita kepada Tuhan di atas penyertaan-Nya, penghargaan kepada uskup dan mereka yang berusaha membangun keuskupan kita dan tentunya untuk menghargai sejarah iman Katolik kita yang bermula di keuskupan ini,” ujar Msgr Gilbert pada akhir sesi katekesis pertama.

Pada katekesis yang kedua, Msgr Gilbert menjelaskan tema UTK-30 iaitu, “Umat Tuhan yang berjalan bersama dalam Yesus Kristus, Membangun Gereja melalui Institusi Keluarga, Memelihara Bumi sebagai Rumah kita bersama, Melayani sesama tanpa mengira agama, bangsa dan budaya”.

Menurutnya, tema ini juga adalah tema bagi dua program besar Keuskupan Keningau iaitu PUKAT (Perhimpunan Umat Katolik) dan MPC (Malaysian Pastoral Convention 2026).

“Secara sederhana, tema ini mengajak kita untuk berjalan bersama Tuhan, dengan keluarga, dengan alam ciptaan Tuhan untuk melayani sesama tanpa mengira bangsa dan agama,” kata Msgr Gilbert semasa menutup katekesis pada rekoleksi itu.

Rekoleksi ini juga akan diadakan di beberapa zon dalam Paroki Sook agar capaian umat beriman yang mengenal tentang UTK-30 ini dapat disebarluaskan.

Ulang Tahun Keuskupan Keningau yang ke-30 akan diadakan pada Mei 1, 2023, di Gereja Roh Kudus, Sook dengan jangkauan kehadiran Wakil Sri Paus ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Zaluski, para Uskup Sabah, paderi, religius dan umat awam dari dalam dan luar Keuskupan Keningau. — *Juanis bin Marcus*



**KEUSKUPAN AGUNG
KUALA LUMPUR**

CHAN/CD/01/2023

NOTIS CHANSERI

Panduan Tentang Kehadiran Misa Kudus Dalam Gereja dan acara-acara berkaitan Gereja di Keuskupan Agung Kuala Lumpur

Mac 21, 2023

Saudara dan saudari terkasih dalam Kristus,

Susulan keputusan Konferensi para Uskup Malaysia yang membatalkan dispensasi umum menghadiri Misa pada hari Minggu dan perayaan-perayaan wajib berkuatkuasa pada Hari Minggu Palma 2023, Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah memberi panduan terkini mengenai kehadiran di Misa Kudus di gereja dan acara-acara lain yang berkaitan dengan gereja. Pelarasan berikut juga akan berkuat kuasa mulai Hari Minggu Palma, April 2, 2023.

1. Pelitup muka

Tidak lagi diwajibkan memakai pelitup muka bagi memasuki gereja untuk perayaan liturgi dan acara lain. Walau bagaimanapun, penggunaan pelitup muka sangat digalakkan untuk orang yang mungkin terdedah kepada coronavirus serta mereka yang mempunyai gejala seperti selesema.

2. Bejana Air Suci

Bejana (fon) air suci akan diisi semula semasa ibadat Vigil Paskah, apabila air diberkati. Untuk mengelakkan pencemaran dalam apa jua bentuk, bejana air suci mesti dibersihkan dengan kerap.

3. Komuni Kudus

Komuni Kudus akan terus diberikan di tangan sehingga diberitahu kelak.

4. Komuni Kudus kepada orang sakit dan uzur

Paderi dan Pelayan Komuni Tak Lazim meneruskan lawatan ke rumah mereka yang sakit dan uzur untuk pelayanan sakramen. Bagi melindungi warga emas dan golongan lemah, mereka diminta memakai pelitup muka apabila mengunjungi rumah-rumah ini.

5. Kelas-kelas Katekismus

Pelajar Katekismus tidak diwajibkan memakai topeng muka dalam kelas. Mereka yang ingin memakai pelitup muka boleh berbuat demikian. Sedapat mungkin guru harus memastikan bilik darjah mempunyai pengudaraan segar dan sewajarnya.

6. Aktiviti-aktiviti lain

Aktiviti lain seperti *coffee mornings*, acara persaudaraan, perhimpunan dan perarakan dibenarkan. Adalah dinasihatkan bahawa perhimpunan ini berlaku sama ada di luar gereja atau di dalam bilik atau dewan dengan pengudaraan yang baik.

7. Pertemuan-pertemuan KED

Pertemuan KED boleh disambung semula dengan persetujuan pemilik rumah. Disyorkan perhimpunan yang lebih kecil khususnya jika diadakan dalam persekitaran terkurung.

8. Tridum Paskah

Liturgi Khamis Suci, Jumaat Agung, Vigil Paskah dan Hari Minggu Paskah



Gambar ilustrasi: Penjarakan sosial dan pemakaian pelitup muka tidak lagi diwajibkan semasa menghadiri Misa Kudus di Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

akan disambut seperti yang ditetapkan oleh gereja. Satu-satunya pengecualian ialah, pada Jumaat Agung, semasa penghormatan salib secara individu untuk adorasi, tidak dibenarkan mencium salib. Sebaliknya, penghormatan kepada salib boleh dilakukan dengan genufleksi atau menundukkan kepala.

9. Keselamatan Awam

Mereka yang merasa tidak sihat, terutamanya mereka yang mengalami batuk berterusan atau selesema, harus mempertimbangkan untuk tinggal di rumah dan mengambil bahagian dalam Misa dalam talian.

Bagi keperluan Aplikasi MySejahtera dan Penjarakan Sosial, kami juga telah mengemas kini garis panduan, seperti berikut:

a. Aplikasi MySejahtera

Mereka yang memasuki gereja tidak perlu mendaftar masuk dengan aplikasi MySejahtera. Pemeriksaan suhu dan paparan status vaksinasi juga tidak perlu ketika memasuki gereja.

b. Penjarakan Sosial.

Tidak perlu penjarakan sosial apabila duduk di gereja. Namun disyorkan agar gereja-gereja, meskipun yang mempunyai batasan struktur, mencari cara untuk memiliki aliran pengudaraan udara segar yang mencukupi.

Menyedari kehadiran Covid-19 yang berterusan di tengah-tengah kita, kami menggalakkan langkah-langkah pencegahan sendiri yang sesuai seperti yang digariskan di atas untuk diambil sambil mengingatkan ahli-ahli komuniti paroki kita yang paling lemah.

Dengan anda, kami bersukacita apabila kembali berkumpul secara peribadi untuk menyembah Tuhan kita pada Hari Minggu dan perayaan-perayaan wajib.

Clarence Devadass
Rev Fr Dr Clarence Devadass
Chanselor
Keuskupan Agung Kuala Lumpur

Sahabat kecil Yesus

Isi tempat kosong di bawah dengan perkataan yang sesuai.

Yesus menetapkan Ekaristi
(Hari Khamis Putih, April 6, 2023)



Minumlah, kamu semua, dari _____ ini. Sebab inilah darah-Ku, _____ perjanjian yang ditumpahkan bagi banyak orang untuk _____.


Mat 26:27-28.

Ambillah, _____ lah, inilah _____~Ku
(Mat 26:27)



makan - cawan - pengampunan - darah - dosa - tubuh

Mari Mewarna



Saat-saat akhir Yesus semasa di kayu Salib. Lengkapi petikan Alkitab di bawah.

Sesudah Yesus meminum _____

berkatalah Ia: "Sudah _____"

Lalu Ia _____ kepala-Nya dan _____ nyawa-Nya.
(Yoh 19:30)

Seorang dari antara prajurit itu _____ lambung-Nya dengan _____, dan segera _____ keluar _____ dan _____.
(Yoh 19: 34).

Jumaat Agung
April 7, 2023.

tombak
selesai

anggur
menikam
menyerahkan

mengalir
menundukkan
air

darah
asam

Hari Minggu Palma
April 2, 2023



Terpujilah Putera Daud! Terberkatilah Dia yang datang atas nama Tuhan! Terpujilah Yang Mahatinggi! (Mat 21:9)

Lukis wajah kanak-kanak pada gambar di atas dan jangan lupa mewarnakannya.

Hello adik-adik,

Pada Hari Minggu ini, kita merayakan Hari Minggu Palma.

Hari Minggu Palma menandakan kita memasuki Minggu Suci.

Minggu Suci ini amat penting kerana kita akan berjalan bersama Yesus menuju ke Bukit Golgota kemudian berjaga-jaga bersama-Nya sebelum menantikan kebangkitan-Nya yang mulia pada Hari Minggu Besar Paskah!

Pada Khamis Suci, Yesus makan perjamuan terakhir bersama para rasul dan dengan kerendahan hati, Yesus mencuci kaki para rasul.

Kemudian Dia ditangkap oleh prajurit selepas berdoa di taman Getsemani.

Pada hari Jumaat Agung, mari kita mengenang Yesus yang sengsara dan diperlakukan oleh orang ramai, Dia memikul salib-Nya yang berat menuju ke Bukit Golgota dengan tubuh yang penuh luka.

Ketika disalibkan, kepala-Nya dipakaikan mahkota duri, tangan dan kaki-Nya dipaku.

Ketika Dia meminta air minum, Dia hanya diberikan air anggur asam.

Dan, ketika Dia menderita di kayu Salib, hanya ibu dan murid kesayangan-Nya sahaja yang bersama-sama dengan-Nya.

Murid lain, seperti Petrus, Tomas dan Yakobus, menyembunyikan diri kerana takut ditangkap oleh askar-askar Yahudi.

Pada Hari Sabtu Suci, mari kita berjaga-jaga, mengungkapkan kesyukuran dan puji-pujian kepada-Nya, betapa agung cinta-Nya terhadap kita manusia, sehingga Dia sanggup wafat demi menebus dosa-dosa kita.

Pada Hari Raya Besar Paskah, mari kita mengucapkan hosana dan Puji Tuhan kerana Dia telah bangkit dengan mulia!

Salam sayang
Antie Melly

BELIA MILENIUM

Kaum muda Paguokon bersatu berkarya demi Yesus

TENOM, Sabah: Selepas melalui tempoh suram dalam pelayanan akibat pandemik, belia KUK Gereja Tritunggal Mahakudus, Kg.Paguokon, Tenom bangkit untuk mengadakan *Fellowship* pada Mac 7 di perkarangan Gereja Tritunggal Mahakudus.

Fellowship yang bertemakan “Bangun, Bangkit dan Bersatu”, itu bertujuan untuk menyemarakkan semula semangat pelayanan belia, mengungkapkan rasa syukur atas penyertaan Tuhan khususnya pada waktu sukar dan memberi input tentang Keindahan Liturgi.

Para belia datang seawal jam 6.00 pagi lagi untuk mendaftar, bersarapan disusuli sesi *Ice Breaking*.

Sesi pertama bermula pada jam 9.00 pagi yang disampaikan oleh Sdra. Juanis bertajuk “Kepimpinan dan Kesatuan belia”.

Melalui sesi ini para belia diberi pencerahan bahawa, “Tiada pemimpin belia yang sempurna. Namun dengan mengenal setiap kelemahan dan kekuatan, serta dengan inspirasi kepimpinan Yesus, para belia dapat membantu sesama belia.”

Dengan rahmat kerendahan hati dan kepimpinan bersumber kepada Yesus, dapat



Aktiviti permainan rohani yang mengeratkan lagi persahabatan para belia.

mengajak belia lain untuk berjalan bersama dalam kesatuan,” jelas Juanis.

Sesi kedua, iaitu Liturgi Gereja yang disampaikan oleh Sdra. David Malanting, Pengerusi Liturgi KUK Gereja Tritunggal Mahakudus, menekankan, “Katekismus Gereja Katolik mendefinisikan liturgi sebagai “keikutsertaan dalam doa yang Kristus sampaikan kepada Bapa dalam Roh Kudus”, yang menjadi sumber dan puncak kegiatan Gereja. Liturgi adalah sarana yang diturunkan oleh Yesus Kristus sendiri kepada kita semua, dan tujuannya adalah Yesus itu juga. Dalam Liturgi adanya Ekaristi yang mana kita dapat bersatu dengan sungguh-sungguh Yesus itu sendiri,”

“Jadi liturgi adalah karya Kristus, karya Gereja dalam kesatuan dengan Kristus, yang menyatakan Gereja sebagai tanda persekutuan antara Tuhan dan manusia, di dalam Kristus,” jelas David.

Pada sebelah petang pula, para belia dengan penuh semangat dan sukacita mengikuti permainan-permainan yang telah disediakan.

Kemuncak *fellowship* diadakan pada sebelah malam melalui program yang dipanggil *Friendship Night*.

Mereka memuliakan Tuhan dengan pujian dan penyembahan, Makan Malam *Agape*

dan juga penyampaian hadiah serta keputusan *King and Queen*.

Malam *Fellowship* itu diakhiri dengan upacara “Salam Damai” yang diiringi lagu “Kesatuan, Kesetiaan dan Kekudusan dalam Yesus Kristus.”

Pengerusi KUK Gereja Tritunggal Mahakudus, Sdra George Kungin berpesan kepada para belia, “Program ini memberi tanda bahawa, sesukar manapun keadaan, jika para belia terus berakar kepada Yesus Kristus, tiada yang mustahil untuk para belia untuk terus maju dan berjalan bersama dalam semangat sinodal.” — **Juanis bin Marcus**

Mahasiswa berdoa dan berdevosi di Nulu Sosopon

KENINGAU: Kumpulan Mahasiswa Katolik dari Universiti Malaysia Sabah (CSG-UMS) telah berziarah ke Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu Sosopon, Keningau baru-baru ini.

Dengan tema, “Mintalah, maka akan diberikan kepadamu; carilah, maka kamu akan mendapat; ketuklah, maka pintu akan dibukakan bagimu”(Mat 7:7-8), ziarah ini

merupakan salah satu program yang telah dirancang bagi sesi 2022/2023.

Program Ziarah ini bukan hanya untuk berkunjung ke Nulu Sosopon tetapi diisi dengan pelbagai sesi untuk dua hari.

Pada hari pertama, para peserta memuji Tuhan dalam sesi *Praise and Worship* yang membantu para peserta mempersiapkan

diri mengikuti acara yang disediakan.

Pengenalan program Ziarah disampaikan oleh Lembaga Pengarah diikuti dengan sesi soal jawab serta perkongsian mengenai Ziarah kepada peserta.

Pihak Nulu Sosopon turut memberikan perkongsian mengenai *statue* yang terdapat di Nulu Sosopon iaitu statue Keluarga

Kudus, Bunda Maria dan Monsignor August Wachter.

Kemudian, melalui Saat Teduh yang dipimpin oleh Seminarian Nelbert Peter, para mahasiswa merenung dan bertenang dan berkomunikasi dengan Tuhan dalam hening.

Perarakan Lilin ke Statue Bunda Maria dan intensi doa turut dilakukan bagi memberikan peluang kepada para peserta untuk memperbaharui komitmen dan menyampaikan intensi doa mereka.

Pada hari kedua pula, perarakan ke Menara Salib telah disertai oleh para peserta, AJP, sukarelawan dan alumni.

Menara Salib tersebut bukan sekadar suatu destinasi sahaja namun untuk membawa peserta merenung serta sedar mengenai pengorbanan dan penderitaan Yesus Kristus demi menyelamatkan dan menebus umat manusia dari kekuasaan dosa.

Program ziarah ini membantu para peserta untuk mengingati misi mereka sebagai umat dibaptis iaituewartakan Khabar Sukacita kepada semua orang. — **Catholic Sabah**



Tanpa Roh Kudus, penginjilan itu kosong

ROMA: Untuk menginjil dengan baik, umat beriman perlu berdialog dengan Tuhan, membiarkan Roh Kudus memperbaharui hati dan hidup mereka, dan kemudian berdialog dengan dunia saat ini, kata Sri Paus Fransiskus.

Roh Kudus adalah "protagonis evangelisasi. Tanpa Roh Kudus kita hanya akan mengklankan Gereja," katanya semasa sesi audiensi bersama umat awam di Dataran Santo Petrus pada Mac 22.

Gereja juga harus selalu "menginjil dirinya sendiri kalau tidak ia akan menjadi muzium!" katanya.

Bapa Suci meneruskan rangkaian pembicaraannya tentang "has-

rat untuk evangelisasi: semangat kerasulan umat beriman" dengan merenungkan seruan apostolik St. Paulus VI tentang "*Evangelii Nuntiandi*" (Evangelisasi di Dunia Moden) dan penekanannya pada kesaksian tentang Kristus.

"Anda tidak dapat menginjil tanpa kesaksian – kesaksian perjumpaan pribadi dengan Yesus Kristus, Sabda yang menjelma di mana keselamatan digenapi," katanya.

"Kesaksian juga mencakupi pengakuan iman, iaitu keyakinan dan ketaatan nyata kepada Tuhan, Putera dan Roh Kudus, yang menebus kita semua dengan kasih-Nya yang agung," katanya.

Bapa Suci mengatakan itu adalah iman "yang mengubah kita, yang mengubah hubungan kita, kriteria dan nilai-nilai yang menentukan pilihan kita. Oleh itu, kesaksian tidak dapat dipisahkan dari konsistensi antara apa yang diyakini dan yang dinyatakan."

"Seseorang dapat dipercaya jika ada keselarasan di antara apa yang mereka yakini dan jalani," kata Sri Paus.

"Setiap kita dituntut untuk menjawab tiga pertanyaan penting seperti yang pernah diajukan oleh St. Paulus VI: 'Apakah anda percaya pada apa yang anda wartakan? Apakah anda menghidupi apa yang anda yakini?'

Apakah anda mewartakan apa yang anda hidupi?" kata Bapa Suci.

"Kita tidak boleh puas dengan jawaban yang mudah dan jawaban yang dikemas kini sebelumnya," katanya.

"Kita dipanggil untuk menerima risiko, meskipun tidak stabil, kita percaya sepenuhnya pada tindakan Roh Kudus yang bekerja dalam diri kita, mendorong kita lebih jauh: melampaui batas kita, melampaui penghalang kita."

Santo Paulus VI, "mengajarkan semangat untuk evangelisasi muncul dari kekudusan yang muncul dari hati yang dipenuhi dengan Tuhan.



"Dipupuk oleh doa dan, di atas segalanya, oleh cinta akan Ekaristi, akhirnya evangelisasi meningkatkan kekudusan bagi orang-orang yang melaksanakannya."

"Tanpa kekudusan, penginjil 'akan sukar menyentuh hati manusia moden' dan 'berisiko menjadi sia-sia'" katanya yang memetik dari nasihat Santo Paulus. — *media Vatikan*

Iman dan kewangan dalam pertobatan ekologi

ROMA: Kumpulan-kumpulan berbasis agama termasuk keuskupan, universiti, sekolah, dan kongregasi religius harus menyelaraskan kegiatan kewangan mereka dengan nilai-nilai iman demi pembangunan berkelanjutan, kata sebuah kumpulan pejuang iklim Katolik.

Laudato Si' Movement (LSM), merupakan sebuah jaringan global umat Katolik yang bekerja untuk keadilan iklim dan ekologi, telah menerbitkan empat panduan yang bermatlamat memastikan perbankan, pelupusan, insuran yang mampan, demikian kata LSM dalam satu kenyataan media mereka pada Mac 22.

Panduan ini telah disediakan dengan kerjasama *FaithInvest* yang berpangkalan di UK, sebuah organisasi bukan untung yang memberi kuasa kepada organisasi berasaskan kepercayaan untuk melabur selaras dengan nilai-nilai mereka.

Gerakan LSM adalah diinspirasikan oleh ensiklik alam ciptaan terkenal Sri Paus Francis-



Sebuah kumpulan dalam aksi mempertahankan alam ciptaan Tuhan.

kus, *Laudato Si'*, 2015.

LSM telah mencipta panduan kewangan ini untuk menyokong pertobatan ekologi seperti yang diseru oleh Sri Paus Fransiskus dalam *Laudato Si'*. Kami berharap panduan ini, yang dicipta dengan input daripada rakan kongsi di seluruh dunia, akan membantu menunjukkan jalan

ke hadapan," Direktur Eksekutif LSM, Tomás Insua.

Panduan keuangan mengambil tiga bagian pendekatan – "Lihat – Renung – Tindakan" – membantu memperlengkapi keuskupan, universiti, sekolah, dan religius untuk menganalisis dan mengambil tindakan, kata LSM. — *media Vatikan*

Ibu bapa pelajar diperintahkan tiada agama oleh kerajaan China

KOTA WENZHO: Pihak berkuasa China telah meminta para ibu bapa pelajar Tadika untuk menandatangani ikrar untuk tidak boleh menganut agama.

Arahan itu melanggar hak kebebasan beragama yang dijamin dalam konstitusi negara komunis itu, kata sebuah kumpulan Hak Asasi Manusia (HAM).

Sekolah-sekolah Tadika daerah Longwan, Zhejiang, China timur mengeluarkan arahan kepada para ibu bapa pelajar untuk menandatangani "Ikrar Keluarga untuk tidak menganut agama," lapor *China Aid* pada Mac 20.

Seorang guru Tadika di Wenzhou, menyatakan mandat itu mengejutkan kerana larangan agama hanya pada sekolah Tadika, bukan pada ibu bapa atau kanak-kanak.

"Sebelumnya, jabatan tinggi pendidikan mewajibkan sekolah-sekolah Tadika agar tidak mempercayai tahyul dan tidak menyerti mana-mana kumpulan agama," kata guru tersebut.

Sesuai dengan syarat ikrar, ibu bapa dikehendaki berjanji un-

tuk tidak menganut mana-mana agama, tidak dibenarkan menyertai sebarang kegiatan keagamaan serta tidak menyebarkan agama di lokasi sekolah tadika."

Ikrar tersebut juga menyatakan ibu bapa harus "taat terhadap disiplin Parti [Komunis], undang-undang dan peraturan negara, tidak boleh bergabung dengan Falun Gong dan sekte-sekte agama lain."

Falun Gong adalah gerakan keagamaan yang didirikan oleh Li Hongzhi di China awal 1990-an

Kumpulan itu mendasarkan pada kombinasi meditasi dan latihan gerakan tubuh sambil menekankan moral dan penanaman kebajikan dan mengidentifikasi diri mereka sebagai mengikuti aliran pemikiran Buddhis.

Pada tahun 1999, kerajaan China telah menyenaraikan Falun Gong sebagai "sekte jahat".

Tadika di bawah kendalian kerajaan menegaskan para guru taat pada Parti Komunis China, tidak beragama dan menyebarkan agama" — *ucanews.com*

Biarawati Katolik Korea jual kuih bantu kanak-kanak Syria, Turki



Pelajar sekolah membeli kuih yang baru dibuat oleh para biarawati di Pusat Pendidikan dan Kerohanian Salesian di Singil-dong, Seoul yang bertujuan membantu kanak-kanak Turki dan Syria. Gambar: *ucanews.com*

SEOUL: Para biarawati Salesian di Seoul, ibu kota Korea Selatan menjual kuih di jalan-jalan demi membantu mengumpulkan dana untuk kanak-kanak di Turki dan Syria yang dilanda gempa dahsyat pada bulan Februari lalu.

Pada awal bulan Mac lalu, Pusat Pendidikan dan Kerohanian Salesian di Singil-dong, Seoul, melancarkan penjualan kuih Jepun, taiyaki, yang berbentuk ikan dengan isi dari kacang merah.

Para biarawati menjual taiyaki dua kali seminggu dan kegiatan itu dijalankan sepanjang bulan Mac.

Hasil jualan akan disumbangkan kepada komuniti biarawati

Salesian di Syria untuk disalurkan kepada kanak-kanak yang terkesan dengan bencana alam di negara Timur Tengah itu.

Semasa para biarawati menyiapkan kuih taiyaki di hadapan pusat mereka pada Mac 6 lalu, ramai pelajar sekolah berdekatan bergegas membeli kuih tersebut.

Beberapa pelajar dari sekolah menengah membeli taiyaki bernilai 1,000 won (0.77 dolar AS), tetapi membayar 10,000 won (7.65 dolar AS) dari wang saku mereka setelah mengetahui matlamat kempen menghimpun dana tersebut, kata Sr Maria Kim Young-hee, direktor pusat tersebut.

Sr Kim mengatakan kuih tai-

yaki menjadi sangat popular sehingga tempat itu menjadi penuh sesak dan semua kuih habis dijual dalam masa singkat.

Semasa para biarawati bergiliran membuat dan menjual taiyaki, ibu bapa, kanak-kanak dan remaja juga menyertai program itu dengan menjadi sukarelawan.

Sr Kim berterima kasih kepada semua orang yang telah membantu dan menyokong projek pengumpulan dana itu. "Terima kasih kepada semua orang yang telah berbhahagi cinta dengan program taiyaki kami. Ini menandakan anda bersimpati dengan orang-orang yang menderita, terutama kanak-kanak," ujarnya. — *ucanews.com*

Perjalanan 40 hari Pra-Paskah

Memasuki Minggu Suci ...

TARIKH	RENUNGAN	AKTIVITI
HARI MINGGU PALMA Apr 2, 2023 <i>Yes 50:4-7</i> <i>Flp 2:6-11</i> <i>Mat 26:14-27:66</i>	Tidak semua orang mampu memahami cara penyelamatan Yesus. Sebagai umat beriman, kita harus belajar daripada Kristus dan menyedari bahawa penderitaan adalah sebahagian cara misteri serta cinta Tuhan dalam menyelamatkan umat-Nya.	Anjurkan perarakan palma di sekeliling rumah atau KED/KKD.
Apr 3, 2023 (Isnin) <i>Yes 42: 1-7</i> <i>Yoh 12: 1-11</i>	Yesus tetap setia meskipun sudah menyedari saat-saat terakhir hidup-Nya. Semoga kita juga selalu setia untuk menjalankan tugas perutusan kita hingga akhir.	Minta anak-anak melukis peristiwa Jumaat Agung atau Paskah.
Apr 4, 2023 (Selasa) <i>Yes 49:1-6</i> <i>Yoh 13:21-33, 36-38</i>	Sebagai murid Yesus, kita dicabar untuk meneladani sikap Yesus yang tetap berani, setia dan teguh dalam menghadapi penderitaan semasa memikul tugas demi kebaikan dan kesejahteraan semua orang.	Habiskan kerja yang anda selalu tangguhkan.
Apr 5, 2023 (Rabu) <i>Yes 50: 4-9a</i> <i>Mat 26: 14-25</i>	Belajar daripada Yesus yang tidak membalas penghinaan dengan penghinaan, kekerasan dengan kekerasan, sebaliknya dengan pengampunan dan kekuatan kedamaian batin.	Baca sampai habis salah satu Injil atau buku dalam Kitab Suci.
Apr 6, 2023 (Khamis) <i>Yes 61: 1-3a, 6a, 8b-9</i> <i>Why 1:5-8</i> <i>Luk 4:16-21</i>	Perayaan Ekaristi mengajak kita berpartisipasi dengan Yesus yang dengan tubuh-Nya mengorbankan diri-Nya. Sebab dalam pengorbanan, sukacita sejati dapat ditemukan dan dirasakan.	Lakukan aktiviti ‘membasuh kaki’ bersama keluarga.
Apr 7, 2023 (Jumaat) <i>Yes 52: 13-53:12</i> <i>Ibr 4:14-16, 5:7-9</i> <i>Yoh 18: 1-19: 42</i>	Penderitaan dan kematian Yesus di salib adalah tragedi sekaligus kemuliaan. Inilah yang kita kenangkan pada hari Jumaat Agung. Yesus menerima tragedi ini kerana percaya kehendak Bapa-Nya sekaligus menjadi pangkal keselamatan abadi bagi umat beriman (Ibr 5:9)	Sebelum memulakan hari, berdoa pagi di hadapan Salib bersama keluarga.
Apr 8, 2023 (Sabtu) <i>Vigil Paskah</i> <i>1Kj 1:1-22</i> <i>Kej 22: 1-18</i> <i>Mat 28: 1-10</i>	Setiap perayaan Sabtu Suci, kita memperbaharui janji baptis, menyalakan lilin Paskah sebagai tanda menjadi terang Kristus dan dengan percikan air suci, sekali lagi kita dibersihkan hati dan jiwa dari dosa ...	Hadiri semua Misa atau ibadat.

● Lakukan renungan dan aktiviti bagi Hari Minggu Palma dan Minggu Suci, secara peribadi, bersama keluarga atau KKD/KED. Ini adalah renungan terakhir untuk 40 Hari Perjalanan Pra-Paskah. Terima kasih di atas kesetiaan anda.

MAKANAN UNTUK JIWA

Keangkuhan rohani akan mengheret kita ke neraka!

VATIKAN: Umat Katolik hendaknya menegenipkan ego mereka dan angkuh kita demi memberi ruang bagi Tuhan dan belas kasihan-Nya yang lembut untuk bertakhta dalam hati dan peribadi kita, kata Sri Paus Fransiskus semasa memimpin upacara Sakramen Tobat, Mac 17.

“Hanya mereka yang miskin jiwanya dan sedar keperluan keselamatan akan mengalami keindahan pengampunan daripada Tuhan.

Tetapi mereka yang hatinya dipenuhi dengan perbandingan dan penilaian yang angkuh dan sentiasa memandang dirinya sahaja benar, “Akan membuat anda masuk neraka,” kata Bapa Suci dalam homilinya.

Sri Paus Fransiskus memimpin upacara Sakramen Tobat di sebuah paroki di Roma, untuk memulakan perayaan “24 Jam untuk Tuhan” di seluruh dunia, di mana sekurangnya sebuah gereja di setiap keuskupan diundang untuk dibuka sepanjang malam – atau selama beberapa jam – untuk pengakuan dosa dan adorasi Ekaristi.

Bapa Suci mengadakan Sakramen Tobat di Paroki St. Maria delle Grazie al Trionfale, paroki *tituler* Kardinal Joseph W. Tobin dari New Jersey, AS.

Paroki itu juga merupakan kunjungan peratamanya sejak pandemik Covid-19, yang bermula Mac 2020.

Biasanya, Sri Paus pergi ke ruang pengakuan dosa di Basilika Santo Petrus dan berlutut di depan seorang paderi untuk mengaku dosa.



Namun, tahun ini akibat sakit lutut, Bapa Suci pergi ke sudut gereja paroki itu di mana ada dua kerusi, memakai stola ungu dan menunggu setiap orang untuk mendengar pengakuan selama hampir satu jam.

Dalam homilinya, Sri Paus berbicara tentang bahaya kesombongan “rohani” seseorang dan percaya diri lebih baik dari orang lain.

“Mereka merasa nyaman, tetapi mereka tidak memiliki ruang untuk Tuhan kerana mereka merasa tidak memerlukannya,” katanya.

Orang-orang seperti itu, kata Bapa Suci, mungkin melakukan perbuatan baik, bergabung dengan kelompok Gereja atau membantu paroki tetapi mengharapkan semacam “pembalasan” atau mengharapkan “hadiah”.

“Saudara, saudari, mari kita ingat ini: Tu-

Tuhan datang kepada kita ketika kita merendahkan hati dan berundur dari ego kita. — Sri Paus Fransiskus

han datang kepada kita ketika kita merendahkan hati, berundur dari ego kita,” kata Sri Paus. Dia meminta semua orang untuk melihat ke dalam hati mereka dan merenungkan: “Apakah saya angkuh? Apakah saya berfikir saya lebih baik daripada orang lain?”

“Agar dekat dengan Tuhan,” katanya, setiap orang Katolik harus memberitahu Tuhan bahawa mereka adalah pendosa terbesar dari semuanya, dan satu-satunya alasan mereka tidak jatuh ke dalam dosa yang lebih buruk adalah kerana belas kasihan Tuhan “memegang tangan saya,” ujar Bapa Suci seraya menambah, Tuhan selalu menunggu anak-anak-Nya, terutama ketika mereka berpartisipasi dengan kerendahan hati dalam Sakramen Tobat. — *media Vatikan*

PENULIS BERKICAU

Menemui solusi pada Bonda Maria

Membaca berita tentang pelbagai tohmahan dari pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga dapat mengganggu keharmonian antara kaum di negara ini dan pelbagai lagi isu, rasa sakit hati, muak, benci dan marah tidak dapat dielakkan.

Suatu ketika dahulu, dalam suatu kelas katekismus, seorang paderi misionari sentiasa mengingatkan kami, walau apa pun keadaan, sentiasalah bermohon kepada Bonda Maria.

Pada ketika itu, saya berfikir, Maria adalah manusia seperti kita semua. Bagaimana kehidupan dan figuranya dapat membantu kita menemui solusi untuk pelbagai masalah yang menimpa kita semua hari ini?

Berikut merupakan beberapa fakta yang membantu saya mencari solusi melalui perantaraan Maria:

Pertama, tulisan Sri Paus Fransiskus dalam Sukacita Injil, “Maria mempengaruhi keadilan dengan kelembutan, dengan kontemplasi dan kepedulian terhadap orang lain, merupakan sesuatu yang membuat komuniti gerejawi memandang Maria sebagai model penginjilan.”

Ya, Maria hanyalah gadis polos, hanya berusia 15 tahun ketika malaikat Gabriel melawatnya dan menyampaikan Khabar Gembira kepadanya. Apa yang membuatnya begitu berani dan menyerah kepada kehendak Tuhan?

“Aku ini hamba Tuhan, terjadilah padaku menurut perkataan-Mu,” inilah kata-kata terkenal Maria yang pernah dijadikan tema untuk perayaan-perayaan besar.

Pastinya, Maria yang sejak kecil tinggal di Bait Tuhan percaya akan rencana Tuhan, seperti yang ditulis nabi Yeremia bahawa “rencana Tuhan adalah untuk mensejahterakan kamu dan tidak mencelakai kamu, rencana Tuhan memberi kamu harapan dan masa depan.”

Kedua: Saya pasti, Maria sebagai ibu bagi Yesus, juga melakukan hal yang sama, yang biasa dilakukan oleh para ibu – memasak, mencuci, mengemas dan bermain dengan anak.

Maka para ibu, jangan malu dengan pekerjaan rumah tangga kita, seperti Maria, melakukan hal-hal biasa juga adalah salah satu cara menuju keudusan.

Ketiga: Salah satu kisah Maria yang hebat ialah semasa pesta perkahwinan di Kana, Maria amat prihatin dan menggunakan kebijaksanaannya, bukan bertanya tetapi hanya memberi informasi: “Mereka tidak punya anggur lagi,” katanya.

Yesus mengerti. Meskipun Dia berkata, “waktu belum tiba,” Maria memiliki keyakinan mutlak bahawa Dia akan melakukan sesuatu sehingga dengan tenang, Maria mengatakan “Lakukan apa pun yang Dia katakan kepadamu.”

Keempat: Dari sudut sejarah, kita mengetahui, para Bapa Suci terdahulu banyak memohon perantaraan Maria sebagai ratu damai. Sri Paus Benediktus XV, pernah memohon kepada perantaraan Bonda Maria, ketika perang dunia pertama.

Memasuki Minggu Suci, mari kita berpaling kepada Bonda Maria, yang dalam dukacitanya melihat anaknya disiksa dan disalibkan, tetapi dia tetap melangkah hingga ke kaki salib.

Semoga, walau apa pun keadaan yang kita alami, kita dapat menemui solusinya dalam diri Maria.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Konferensi Serantau Caritas bina jalan baharu persaudaraan

SIBU: Konferensi Serantau Caritas Asia 2023 telah diadakan di Bangkok, Thailand pada Mac 7-8 lalu dengan tema “Membina Jalan Baharu Persaudaraan.”

Malaysia diwakili oleh Setiausaha Eksekutif dari Pejabat Kebangsaan, Eta Ting (Wilayah Caritas Sarawak), Fr Martinian Lee (Wilayah Caritas Semenanjung) dari Caritas Melaka-Johor dan Fr Wilfred James (Caritas Wilayah Sabah) dari Caritas Keningau.

Mesyuarat tahunan yang melibatkan 25 Pertubuhan Ahli Caritas di Asia merupakan perhimpunan penting bagi para ahli untuk membincangkan perkara-perkara nasional dan serantau mereka.

Pada hari pertama, Uskup Paul Daisuker, Presiden Caritas Jepun, memimpin Misa Kudus. Prelatus itu mengingatkan para ahli Caritas bahawa selain peraturan dan undang-undang Caritas, cinta Tuhan-lah yang mendorong kita untuk bekerja dengan



Wakil Caritas Malaysia, dari kiri Fr Wilfred James, Eta Ting dan Fr Martinian Lee (paling kanan) bersama Dr Pier Francesco Pinelli.

sesama.

Dr Pier Francesco Pinelli, Pentadbir Sementara Caritas Internationalis, memberi maklumat terkini dari Caritas Internationalis dan mengumumkan dua orang ahli Caritas yang dilantik oleh Bapa Suci Fransiskus.

Dr Pinelli juga memberitahu hasrat Sri Paus Fransiskus agar perwakilan wanita dan belia dari Caritas Asia untuk menjadi Wakil Konsili ahli-ahli Caritas Internationalis pada bulan Mei, di Roma.

Kemudian, Fr Tony Labiao, Wakil SEA

untuk Komisi Serantau menyampaikan laporan terkini dari 10 Caritas dari Kambojia, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, CHARIS Singapura, Thailand, Timor Leste dan Vietnam.

Eta dari Caritas Malaysia dalam laporannya menekankan isu banjir yang sering berlaku di Malaysia dan mengharapkan kerjasama yang lebih baik dalam projek jangka panjang bagi membendung banjir yang kerap berlaku di tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Konferensi kali ini telah memperkaya dan membuahkan hasil khususnya dari Malaysia yang baru pertama kali menyertai konferensi tahunan ini.

Caritas Malaysia teruja untuk menyertai acara akan datang iaitu “Bengkel Pembangunan Institusi dan Pengukuhan Kapasiti (IDCS) anjuran Caritas Asia yang akan diadakan di Malaysia, dan Perhimpunan Agung Caritas Internationalis di Roma.

900 hadir Malam pertemuan luar biasa dengan Yesus



Para peserta bukan sahaja datang dari tiga Keuskupan/Agung Sabah tetapi juga dari Kuching, Miri, Kuala Lumpur dan Brunei.

Umat awam sukacita genggam diploma pengajian Alkitab

PULAU PINANG: 25 peserta tegar Diploma Pengajian Alkitab dari tahun 2018 hingga kini, bersukacita kerana dapat menamatkan pengajian mereka.

Dengan bangga, mereka menerima diploma masing-masing pada Mac 3, yang disampaikan oleh Uskup Sebastian Francis.

Kursus diploma itu dibawah anjuran Komisi Alkitab Serantau Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura, Brunei (CBCMSB).

Diadakan di Kelab Renang Pulau Pinang, turut hadir ialah Fr David Reegon OFM Cap — Setiausaha Eksekutif RBC — dan pengetua merangkap pengajar/ fasilitator Alkitab, dan Diakon Lazarus Jonathan serta Li Mei, Ketua Kerasulan Alkitab Keuskupan Pulau Pinang (BAPD).

Fr David, dalam ucapannya memberi peng-

hargaan kepada Uskup Agung Emeritus John Ha dari Kuching, yang memulakan kursus diploma RBC kira-kira 20 tahun yang lalu.

Dalam kursus itu, Fr David lazimnya menggunakan metode hubungan gembala-domba (kumpulan) alkitabiah untuk menekankan teologi pastoral / praktikal serta tidak bersandar kepada kursus akademik semata-mata.

Kaedah pembelajaran adalah diinspirasi dari Yohanes 10 iaitu meneladani hati dan fokus gembala — memerhatikan, menyayangi, berkongsi dengan murah hati, dan dengan lembut memimpin kawanan (Yes 40:11) ke “padang rumput hijau” yang mendorong para graduan diploma Alkitab tersebut, yang membina semangat dan iman para peserta untuk berkongsi Khabar Gembira dengan semua orang.



Para graduan bersama Uskup Sebastian Francis dan Fr David Reegon OFM Cap

KOTA KINABALU: Seorang penceramah dari India mengatakan, “Doa syafaat sangat penting, selain mendoakan pergolakan yang berlaku di dunia ketika ini., transformasi dunia boleh berlaku melalui syafaat.”

Cyril John, Ko-ordinator Komisi Syafaat CHARIS Antarabangsa, berkata demikian semasa menyampaikan sesi di Katedral Sacred Heart pada Mac 9 lalu dalam acara, “Malam Pertemuan Luar Biasa dengan Yesus”

Seramai 900 orang peserta mengikuti acara itu yang bukan sahaja dari Sabah tetapi juga dari Kuching, Miri, Kuala Lumpur dan Brunei.

Cyril menyebut beberapa negara di mana

doa syafaat, yang memohon bantuan Roh Kudus, telah membantu dalam transformasi dalam negara mereka.

Katanya, “Tuhan berhasrat untuk membawa Pentekosta baru di Gereja dan doa-doa syafaat adalah ‘ejen rahsia’ Tuhan.

Selain sesi daripada Cyril John, para peserta juga mendengar sesi daripada Silvan Miranda, Penyelaras CHARIS India dan kesaksian oleh Satyaprakash Yadav, Wakil Belia CHARIS dari India, dan akhirnya sesi penyembuhan dan pembebasan yang dipimpin oleh Fr Bobby Emprayil VC, Pengarah Pusat Retret Divine Glory di Manipur India.

— sumber Catholic Sabah

Sebuah lagi dewan kegunaan Katolik diberkati di Keningau

KENINGAU: Uskup Cornelius Piong telah melawat Gereja St Joseph Minawo, baru-baru ini bagi memberkati dewan baru sekaligus memimpin Misa Kudus dan melihat perkembangan umat di situ.

Turut hadir dalam Misa Kudus itu ialah YB Flovia Ng, Pembantu Menteri Pembangunan

Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat merangkap ADUN N44 Tulid, dan Pengerusi Majlis Pastoral Paroki Katedral St Francis Xavier, Sdri Nancy Nelly Joneh.

Dewan baru yang dinamakan *Walai Pitimungan* (Rumah Perkumpulan) mula dibina pada awal Januari tahun ini dan siap sepenuhnya Februari 10.

Bapa Uskup dalam homilinya menekankan agar umat selalu menjaga relasi dengan Tuhan dan menghayati ajaran-Nya. “Ambillah masa setiap hari untuk berelasi dengan Tuhan, bukan setakat berdoa meminta sesuatu tetapi juga memuji Dia dengan penuh syukur di atas segala berkat serta perlingdungan-Nya,” kata Bapa Uskup. — Melisa Floly



Uskup Cornelius Piong menandatangani plak dewan baru Gereja St Joseph.